

Tiga produk UMP menang anugerah di London

Oleh Khairina Yasin
khairina@bharu.com.my

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) mengharumkan nama negara di London apabila penyelidikannya menerima pingat emas dan anugerah khas bagi ketiga-tiga produk dipertandingan sempena pameran penyelidikan *British Invention Show (BIS)*, baru-baru ini.

Anugerah khas *Grand Final Double Gold Consumer* dan pingat emas diraih menerusi produk penyelidikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) merangkap penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Prof Dr Rosli Mohd Yunus iaitu minyak pelincir berasaskan minyak hitam yang dikitar semula.

Projek komersial hasil ker-

jasama UMP Green Technology Sdn Bhd dan Urban Environmental Industries Sdn Bhd itu membabitkan pengekstrakan semula minyak asas daripada sisa buangan minyak pelincir terpakai menggunakan Teknologi Ekstraksi Pelarut. Pingat emas kedua dan Anugerah *Grand Final Double*

Pameran BIS disertai lebih 300 wakil universiti dan industri termasuk dari United Kingdom, Taiwan, Arab Saudi, Sepanyol, Rusia, Iran dan Bulgaria"



DARI kiri; Zularisam, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, Rosli dan Mimi Sakinah meraikan kejayaan UMP pada BIS di United Kingdom, baru-baru ini.

Gold Industrial juga disumbangkan penyelidik FKKSA, Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim menerusi penghasilan gula

ringkas, Sorbitol, daripada habuk kayu. Penemuan kaedah yang dihasilkan bersama penyelidik,

Rusmawarni Ramli dan Dr Zularisam Ab Wahid itu lebih murah dan berkesan dan selamat terutama bagi kegunaan

pesakit kencing manis.

Dr Zularisam dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam turut meraih pingat emas dan Anugerah *Grand Final Double Gold Industrial*, menerusi produk penyelidikan bahan bakar minyak gas berasaskan air kumbahan dalam pertandingan itu.

Kajian bersama Prof Dr Ideris Zakaria, Abdul Syukor Abdul Razak dan Dr Mimi Sakinah itu menghasilkan bahan bakar alternatif kepada bahan api fosil yang lebih bersih, ekonomik dan tidak menyumbang kepada pencemaran gas rumah hijau kerana ia menggunakan tenaga solar.

Pameran BIS disertai lebih 300 wakil universiti dan industri termasuk dari United Kingdom, Taiwan, Arab Saudi, Sepanyol, Rusia, Iran dan Bulgaria.